

**Analisis Pendalilan Sifat Waḥdāniyyah Allah Menurut Ibn Juzay:
Kajian Terhadap Kitab *Al-Nūr al-Mubīn Fi Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn***
*Analysis of the Proofing for Waḥdāniyyah of Allah According to Ibn Juzay: A Study
of the Book al-Nūr al-Mubīn fi Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*

Ahmad Faiz Mohd Khalil^{1*}
Mohd Fauzi Hamat²
Azmil Zainal Abidin³

ABSTRAK

Wacana tentang sifat waḥdāniyyah (keesaan) Allah merupakan tema utama dalam perbincangan Ilmu Kalam, yang sering dirujuk sebagai ilmu Tauhid. Para ulama telah mengemukakan pelbagai hujah bagi menegaskan keesaan Allah secara menyeluruh dan tepat. Kajian ini memberi tumpuan kepada hujah-hujah yang terdapat dalam *al-Nūr al-Mubīn* karya Muhammad Ibn Juzay al-Gharnāfi dengan penekanan kepada hujah rasional yang berasaskan *al-Quran*. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif melalui analisis kandungan teks kitab tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ibn Juzay menyusun dalil-dalil *al-Quran* mengenai Waḥdāniyyah secara sistematik melalui kerangka rasional dan logik. Hal ini menegaskan bahawa kaedah rasional dalam aliran Ash'ari bagi Ilmu Kalam berakar daripada *al-Quran* dan bukannya pengaruh luaran seperti falsafah Yunani. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang seni berhujah secara rasional dalam *al-Quran* yang bersifat qat'i (muktamad) dan mudah difahami serta sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Kata Kunci: Pendalilan, waḥdāniyyah, Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn*.

ABSTRACT

The discourse on the attribute of waḥdāniyyah (oneness) of Allah is a central theme in the discipline of Ilm al-Kalam, which is often referred to as the science of Tawḥīd. Scholars have presented various arguments to affirm Allah's oneness comprehensively and accurately. This study focuses on the reasoning found in *al-Nūr al-Mubīn*, authored by Muhammad Ibn Juzay al-Gharnāfi, emphasizing rational arguments derived from the *Quran*. The study employs a qualitative research approach by analyzing the book's textual content. Findings reveal that Ibn Juzay systematically arranged *Quranic* evidence for waḥdāniyyah using rational and logical frameworks. This affirms that rational methods in the Ash'ari school of 'Ilm al-Kalam are rooted in the *Quran* rather than external influences like Greek philosophy. The study contributes to understanding the art of rational argumentation in the *Quran*, demonstrating its decisive (qat'i) and accessible nature, suitable for diverse societal contexts.

Keywords: Proofing, waḥdāniyyah, Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn*.

¹ (Penulis berhubung), Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia. zeinulfateh@gmail.com

² Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. mfhamat@um.edu.my

³ Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. hadiqah_irfan@um.edu.my

PENDAHULUAN

Akidah merujuk kepada sejumlah kepercayaan dan iktikad yang menjadi pegangan umat Islam. Ia merupakan asas utama dalam agama Islam, di mana seseorang tidak akan dianggap mukmin tanpa mempercayainya. Malahan, semua amalan dalam Islam tidak diterima Allah sekiranya akidah pelakunya tersebut tidak sah.

Ilmu yang membincangkan persoalan-persoalan kepercayaan ini dikenali dengan pelbagai istilah seperti ilmu Akidah, ilmu Tauhid, ilmu Kalam, *al-Fiqh al-Akbar* dan *Usul al-Din*.⁴ Para ulama mutakhir dalam aliran Ashā'irah telah mengklasifikasikan perbahasan akidah kepada tiga bahagian utama: ketuhanan (*'Ilāhiyyāt*), kenabian (*Nubuwwāt*) dan perkara ghaib (*Sam'īyyāt*).⁵ Antara ketiga-tiga perbahasan ini, bahagian ketuhanan lebih diutamakan kerana hakikat ketuhanan merupakan asas iktikad yang terbina kepercayaan berkaitan bahagian lain di atasnya. Selain itu, ia juga kerana aspek ketuhanan ini yang memunculkan kewujudan segala sesuatu di alam semesta. Sifat keesaan dan keagungan Tuhan dalam kewujudan serta keutamaan manusia untuk mentakzamkanNya merupakan fokus utama dalam perbahasan ketuhanan ini.

Menurut al-Zabīdī, isu ketuhanan dibahagikan oleh ulama Ashā'irah kepada dua kategori iaitu sifat zat dan sifat *af'āl*. Sifat zat merujuk kepada sifat yang tidak boleh dinafikan daripada Allah seperti wujud, *waḥdāniyyah* dan *qudrah*, manakala sifat *af'āl* adalah sifat yang boleh disabitkan dan juga dinafikan daripada Allah seperti sifat menghidupkan (*al-muḥyī*) dan mematikan (*al-mumīt*).⁶ Dalam kalangan sifat zat, sifat *waḥdāniyyah* atau keesaan Allah menonjol sebagai sifat paling utama. Malahan, istilah ilmu Tauhid sendiri diambil disebabkan perbahasan sifat ini. Menurut Mohd Fakhrudin, konsep tauhid ini adalah prinsip akidah teragung.⁷

Sebahagian ulama, seperti Abū Ḥanīfah (w. 150 H) dalam *al-Fiqh al-Akbar*⁸, Abū Ja'far al-Taḥāwī (w. 321 H) dalam risalah akidahnya⁹, Abu 'Amr al-Dānī (w. 444 H) dalam *al-Risalah al-Wāfiah*¹⁰ dan Abū Ḥāmid al-Ghazālī (w. 505 H) dalam *Qawā'id al-'Aqā'id* yang terkandung dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*¹¹, telah mendahulukan perbahasan tauhid dalam kitab akidah mereka. Demikian juga, Ibn 'Arabī (w. 638H) dalam mukadimah *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*¹², Ibn Taymiyyah (w. 728H) dalam *al-Tadmuriyyah*¹³ dan Sa'id al-Nursī (w. 1379H) dalam risalah *Qaṭrah min Baḥr al-Tawḥīd*.

⁴ Hasan al-Shāfi'i, *al-Madkhal ilā Dirasat 'Ilm al-Kalam* (Karachi: Idārat al-Qurān wa al-'Ulūm al-'Islāmiyyah, 2001), hlm. 9

⁵ Ali Jum'ah, *Aqīdat Ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, (Kaherah: al-Muqattam li al-Nashr wa al-Tawzī', 2011), hlm. 11

⁶ al-Zabīdī, Muhammad bin Muhammad al-Husayni, *Iṭḥāf al-Sādat al-Muttaqin bi Sharh 'Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. (Beirut: Mu'assasah al-Tarikh al-'Arabi, 1994), jld. 2, hlm. 158

⁷ Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. The Background of Malay Kalam With Special Reference to the Issue of the Sifat of Allah. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam* (2002), 3(1), 1–32.

⁸ Ali Qāri, *Sharh al-Fiqh al-Akbar* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. t.t), hlm. 22

⁹ al-Badakhshāni, Muhammad Anwar, *Talkhīs Sharh al-'Aqīdah al-Taḥāwiyyah lil Ibn Abi 'Izz al-Hanafi*. (Karachi. Zamzam publishers, t.t), hlm. 19

¹⁰ Abū 'Amr al-Dānī, *al-Risalah al-Wāfiah li Madhhab Ahli Sunnah fi al-Itiqādāt wa 'Uṣūl al-Diyānat*, (Iskandariah: Dār al-Baṣīrah, 2005), hlm. 13

¹¹ Al-Zabīdī, Muhammad bin Muhammad al-Husayni, *Iṭḥāf al-Sādat al-Muttaqin bi Sharh 'Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut Mu'assasah al-Tarikh al-'Arabi, 1994), jld. 2, hlm. 31

¹² Ibn al-Arabi, Muhammad bin Ali *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*. ed. Uthmān Yahya, (Kaherah: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kutub, 1985), jld.1, hlm. 163,

¹³ Ibn Taymiyyah, *al-Tadmuriyyah taḥqīq al-'Iḥbāt li al-Asmā' wa al-Ṣifāt wa haqiqat al-Jam' bayna al-Qadar wa al-Shar'* ed. Muḥamad bin 'Awdah al-Sa'udi (Riyadh, 1985), hlm. 5

Dalam usaha memperkuat penghujahan tauhid, ulama kalam telah mengemukakan dalil berasaskan sumber *aqli* dan *naqli*. Namun, mutakhir ini timbul dakwaan bahawa kaedah pendalilan ilmu kalam sebenarnya dipengaruhi oleh falsafah Yunani dan tidak berakar daripada al-Quran. Sebagai respon, kitab *Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn* karya Ibn Juzay menampilkan pendalilan berasaskan al-Quran untuk membuktikan kebenaran sifat *wahdāniyyah* Allah. Kajian ini akan memberi fokus khusus kepada kaedah penghujahan yang dikemukakan oleh Ibn Juzay dalam kitab tersebut serta bagaimana beliau membuktikan kebenaran tauhid berdasarkan pendekatan *aqli* yang diterbitkan daripada pedoman al-Quran.

Pengenalan Kitab *AL-NŪR AL-MUBĪN*

Kitab *al-Nūr al-Mubīn* merupakan karya Ibn Juzay al-Gharnāṭi dalam bidang akidah. Pengarang menyusun kitab ini bagi membuktikan kebenaran akidah Islam melalui penghujahan al-Quran. Kata beliau:

كون تلك الأدلة أو أكثرها مأخوذة من القرآن.

Maksudnya: *Hal keadaan setiap dalil dan bukti (akidah) tersebut atau kebanyakannya diambil daripada al-Quran.*¹⁴

Ibn Juzay dalam kitab tersebut tidak membincangkan khilaf yang berlaku di antara aliran-aliran kalam dalam Islam seperti al-Muktazilah dan sebagainya. Kata beliau:

أنا اقتصرنا على أمّهات المسائل التي جاءت بها الشريعة وتكلم فيها السلف، وأضربنا عما حدث بعدهم من طرق الخصام والجدال.

Maksudnya: *Kami hanya berpeda dengan dengan induk permasalahan yang didatangkan oleh syariat dan diperkatakan oleh salaf. Kami tinggalkan apa yang muncul selepas mereka daripada jalan perbalahan dan debat (antara aliran).*¹⁵

Kitab *al-Nūr al-Mubīn* telah disunting (*tahqīq*) oleh Nizār Hammādi dari Tunisia daripada satu manuskrip yang didapati di perpustakaan Fes, Maghribi. Ia kemudian dicetak pada tahun 2015 buat pertama kalinya di Dār al-Ḍiyā', Kuwait. Kitab ini kemudian diterjemahkan oleh Ahmad Faiz Mohd Khalil dan diterbitkan pada tahun 2017 di Akademi Pemikiran Turath, Malaysia.

Pendahuluan kitab ini dimulakan dengan pujian kepada Allah, dan salam kepada Rasulullah beserta dengan tiga objektif penulisan. Dalam kitab ini, Ibn Juzay menyebutkan akidah dengan pembuktiannya daripada al-Quran dan tidak membahaskan permasalahan khilafiah yang berlaku antara aliran kalam. Kitab ini dibahagikan pengarang kepada empat bahagian, tiga bab yang diberikan tajuk oleh pengarang sebagai kaedah berakidah dan satu penutup. Kaedah pertama berkenaan ketuhanan. Kaedah kedua tentang para nabi, malaikat, imam dan sahabat. Kaedah ketiga berkenaan hari akhirat. Manakala pada bahagian penutup pula, pengarang mengemukakan beberapa saranan dan amaran yang berkait dengan penjagaan akidah. Kaedah pertama yang akan difokuskan ini dibahagikan kepada empat fasal iaitu (fasal)

¹⁴ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn* terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 2

¹⁵ *Ibid.*

pada menyabitkan kewujudan Allah, pada tauhid, pada menyabitkan sifat Allah dan yang terakhir, pada menyucikan Allah. Perbahasan tentang tauhid dalam bab kedua dimulakan dengan menerangkan makna pengesaan Allah daripada surah al-Ikhlās, kemudian disusuli dengan empat bukti keesaan Allah. Setelah itu, pengarang beralih kepada membatalkan pegangan empat agama yang bertentangan dengan konsep tauhid dalam Islam iaitu Kristian, penyembah berhala, Majusi dan Animisme.

BIOGRAFI MUHAMMAD IBN JUZAY AL-GHARNĀTĪ

Beliau ialah Abū al-Qāsim Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abdullah bin Yahyā bin ‘Abd al-Raḥmān bin Yūsuf bin Juzay al-Kalbī.¹⁶ Beliau dilahirkan pada hari Khamis tanggal 9 Rabiulakhir 690 hijrah yang bersamaan dengan tahun 1294 Masihi di Granada yang menjadi pusat pemerintahan Andalusia pada ketika itu. Keluarga Bani Juzay terkenal di Andalus sebagai keluarga ilmuwan. Ayah dan datuk pengarang sendiri telah menjawat jawatan penting dalam negara.¹⁷

Ibn Juzay mendapat pendidikan awal daripada ayahnya.¹⁸ Kemudian beliau melazimi ilmuwan-ilmuwan besar Andalus seperti Abu Jaʿfar bin Zubayr (w. 708 H), Abū ‘Abdillah bin Kamād (w. 712 H), dan Abu ‘Abdillah bin Rushayd (w. 721 H).¹⁹ Di bawah bimbingan mereka Ibn Juzay telah menguasai cabang ilmu seperti bahasa Arab, Qiraat, Tafsir, Usul Fiqh, Fiqh Maliki, Hadis dan banyak lagi. Ibn Juzay sejak kecil menunjukkan minat dan kecintaan mendalam terhadap ilmu.²⁰ Oleh sebab itu, beliau dalam umur yang muda telah diijazahkan oleh para gurunya dalam ilmu-ilmu tersebut. Setelah itu, beliau membuka halaqah ilmu yang mengajarkan ilmu agama. Pada umur muda remaja itu juga, beliau telah menjawat jawatan imam dan khatib di Masjid Agung Granada.²¹

Ibn Juzay mempunyai ramai anak murid yang kebanyakannya menjadi ulama tersohor di rantau Andalus. Antara muridnya adalah Lisān al-Dīn Ibn al-Khaṭīb (w. 776H). Ibn Khaṭīb adalah sasterawan ulung dan menteri pada zaman Sultan Abu al-Hajjāj Yusuf bin Ismail dan anaknya al-Ghanī Billah, Muhammad al-Khāmis. Beliau telah mengarang lebih 60 buah kitab yang kebanyakannya berlegar tentang sastera dan sejarah. Antara muridnya lagi adalah Abū al-Ḥasan al-Nabāhī (w. 792 H). Beliau adalah seorang pakar fiqh, khatib dan hakim. Antara penulisan paling penting beliau dalam bidang fiqh dan kehakiman adalah *al-Marqabat al-‘Ulyā fi man Yastahiq al-Qaḍā’ wa al-Futyā*. Selain itu, tiga orang anak Ibn Juzay sendiri iaitu Aḥmad (w. 785 H)²², Muḥammad²³ (w. 758 H) dan ‘Abdullah²⁴ telah menjadi ulama besar di zamannya.

¹⁶ Lisān al-Dīn Muhammad Ibn Khāṭīb, *al-‘Iḥāṭah fī ‘Akḥbār al-Gharnāṭah* (Algeria: Dar al-‘Amal, 2009), hlm. 509.

¹⁷ Al-Zubayri, ‘Ali Muhammad, *Ibn Juzay wa Manhajuhu fī al-Tafsīr*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1987), hlm. 169.

¹⁸ Ibid, 185.

¹⁹ Ibid, 180.

²⁰ Ibid, 189.

²¹ Ibid, 200.

²² Beliau seorang penyair, faqih dan telah menjawat jawatan sebagai hakim, khatib dan setiausaha kerajaan. Antara karya ilmiah beliau adalah *Sharḥ Alfīyah Ibn Malik* dan *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*.

²³ Beliau seorang faqih, sasterawan dan pakar dalam sejarah dan matematik. Beliau terbesar di bawah pantauan dan didikan ayahnya. Kitab Usul Fiqh karya ayahnya yang berjudul *Taqrīb al-Wusūl* ditulis khas buat beliau. Kata Ibn Juzay: Aku mahu bahawa anakku Muhammad, semoga Allah bahagiakannya, mendapat bahagian dalam ilmu ini. Maka aku karangkan kitab ini dengan tulisannya dan bersifat dengan sifatnya supaya dia cergas untuk belajar dan memahaminya..

²⁴ Beliau adalah pakar dalam bidang Bahasa Arab dan Qiraat, namun pengkaji tidak menemui tarikh wafatnya.

Ibn Juzay merupakan ulama yang mahir dan menguasai pelbagai bidang ilmu. Bahkan beliau telah meninggalkan banyak karya yang bermutu dalam setiap bidang ilmu yang didalamnya. Antara karya beliau mengikut bidang ilmu seperti berikut:

1. **Tafsir:** *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*.
2. **Ilmu Qiraat:** *al-Mukhtaṣar al-Bāri` fi Qirāat al-Nāfi`*.
3. **Hadis:** *Wasīlat al-Muslim fi Tahdhīb Ṣaḥīḥ Muslim*.
4. **Fiqh:** *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*.
5. **Usul al-Fiqh:** *Taqrīb al-Wuṣūl fi 'Ilm al-Uṣūl*.
6. **Akidah:** *al-Nūr al-Mubīn fi Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*.
7. **Sejarah:** *Fihriṣāt Ibn Juzay*.
8. **Nahu:** *al-Fawā'id al-'Ammah fi Laḥn al-'Ammah*.

Selain berjuang di medan ilmu, Ibn Juzay untuk turut terlibat berjuang sebagai seorang pejuang dalam medan jihad. Ibn Juzay meninggal dunia sebagai syahid pada pagi hari Isnin 7 Jamadilawwal tahun 741 H bersamaan 30 Oktober 1340 M dalam peperangan Tarif.

KEPENTINGAN KITAB *AL-NŪR AL-MUBĪN*

Ibn Juzay adalah tokoh ilmuwan yang masyhur di Granada, Sepanyol. Menurut Lisān al-Dīn Ibn Khatīb selaku murid, Ibn Juzay telah menguasai beberapa bidang ilmu seperti Bahasa Arab, Fiqh, Usul Fiqh, Qiraat, Hadis dan sastera Arab.²⁵ Namun, tidak disebutkan pada biodata Ibn Juzay tentang ketokohan beliau dalam bidang ilmu Kalam. Pengkaji beranggapan bahawa faktornya kerana penulisan Ibn Juzay dalam bidang tersebut adalah sedikit. Namun ini tidak menafikan ketokohan dan sumbangan beliau dalam ilmu Kalam. Beliau telah membicarakan ilmu Kalam secara khusus dalam risalah yang disunting mutakhir ini oleh Nizār Ḥammādi al-Tunīsī yang dicetak pada tahun 2015 di syarikat Dār al-Diyā', Kuwait. Risalah tersebut berjudul *al-Nūr al-Mubīn fi Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*. Di samping itu, Ibn Juzay juga telah membicarakan ilmu Kalam dalam mukadimah kitab Fiqh beliau yang berjudul *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*. Bahkan terdapat banyak perbincangan berkaitan ilmu kalam yang berserakan dalam kitab tafsir beliau yang berjudul *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*. Ibn Juzay dalam tiga karya tersebut telah mengangkat ilmu Kalam sebagai salah satu ilmu al-Quran yang penting. Kata beliau dalam kitab *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*:

Maksudnya: Ketahuilah bahawa bicara tentang al-Quran memerlukan kepada perbincangan tentang 12 cabang ilmu iaitu Tafsir, Qiraat, hukum-hakam, nasakh, Hadis, kisah-kisah, Tasawwuf, Usuluddin, Usul Fiqh, *Lughah*, Nahu dan *Bayān*.²⁶

Dalam tempat yang lain, beliau turut menyatakan bahawa:

²⁵ Ibid.

²⁶ Al-Gharnāti, Muhammad bin Juzay, *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl*, (Kuwait: Dar Diyā', 2013), hlm. 70.

Maksudnya: Adapun Usuluddin maka ia berkait dengan al-Quran pada dua sudut: Pertama: Ayat-ayat al-Quran mensabitkan akidah, mengemukakan pembuktian baginya, dan membangkang pelbagai golongan yang kafir. Kedua: Terdapat pelbagai golongan dari kalangan umat Islam yang berpegang dengan al-Quran. Setiap mereka berhujah mempertahankan aliran mereka dengan al-Quran. Dan menolak golongan yang bercanggah dengan mereka dengan al-Quran dan mendakwa mereka bercanggah dengan al-Quran. Tidak syak lagi dalam kalangan mereka ada yang benar dan ada yang salah.²⁷

Dalam tafsir tersebut, Ibn Juzay telah mengemukakan perbahasan Kalam pada ayat-ayat yang jelas menjadi dalil bagi permasalahan akidah di sisi Ahli Sunnah Waljamah atau aliran-aliran lain seperti al-Muktazilah dan al-Jabariyyah. Contohnya ketika membahaskan ayat 143 dalam surah al-A'raf, beliau telah mengemukakan penghujahan Muktazilah dan 'Ashā'irah tentang keharusan melihat Allah. Beliau kemudiannya menguatkan pandangan 'Ashā'irah dengan mengemukakan kaedah pemahaman yang benar tentang ayat tersebut.²⁸

Ketokohan dan sumbangan beliau dalam ilmu Kalam lebih terserlah dalam karya beliau yang berjudul *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*. Ini kerana kitab tersebut ditulis secara khusus bagi ilmu Kalam. Ibn Juzay dalam kitab tersebut telah membuktikan bahawa kaedah aqliyah yang tersebut dalam ilmu Kalam 'Ashā'irah hakikatnya diterbitkan daripada al-Quran. Beliau dengan itu telah membuktikan bahawa al-Quran adalah sumber utama ulama kalam 'Ashā'irah dan bukanlah falsafah Yunani seperti yang didakwa musuh ilmu Kalam. Kata beliau:

المقصد الثاني: كون تلك الأدلة أو أكثرها مأخوذة من القرآن، إذ هو حجة الله الكبرى.

Maksudnya: Tujuan kedua (penulisan kitab): Hal setiap dalil tersebut diambil daripada al-Quran kerana ia adalah hujah Allah terkuat.²⁹

Hal ini menunjukkan bahawa Ibn Juzay mengambil hujah kebanyakannya daripada al-Quran sahaja dan berpada dengannya Di samping itu, pada bahagian yang lain beliau menyatakan bahawa beliau turut menggunakan dalil 'aqli:

وأقمنا عليها أدلة عقلية قطعية استمددنا من العلوم النقلية السمعية.

Maksudnya: Kami dirikan dalil 'aqli yang putus yang kami ambil daripada ilmu naqlī.³⁰

Oleh yang demikian, melalui kitab tersebut, beliau juga telah menyusun kaedah aqliyah dalam al-Quran dengan sistematik. Susunan tersebut membantu umat Islam untuk menjawab persoalan akidah secara berperingkat justeru memberikan keyakinan terhadap pegangan akidah mereka.

Disebabkan kitab *al-Nūr al-Mubīn* adalah kitab khusus tentang ilmu Kalam yang dikarang Ibn Juzay dan kepentingan perbahasan sifat *al-waḥdāniyyah* dalam ilmu

²⁷ Ibid, 79.

²⁸ Ibid, jld. 2, hlm. 622.

²⁹ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 2

³⁰ Ibid, 1.

Kalam maka pengkaji akan mengkhususkan kajian tentang dua hal tersebut. Ini dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap perbahasan *al-wahdāniyyah* yang dimuatkan dalam kitab tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengenalpasti kaedah pendalilan di sisi Ibn Juzay dari dua sudut iaitu bagaimana kaedah akidah tersebut diterbitkan daripada al-Quran dan bagaimana Ibn Juzay menyusun penghujahan tersebut dalam bentuk yang sistematik.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini ialah pendekatan penyelidikan kualitatif yang menumpukan kepada analisis kandungan teks kitab al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn karya Ibn Juzay sebagai sumber data primer. Pendekatan kualitatif dipilih bagi membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap struktur hujah, bentuk pendalilan dan kerangka pemikiran akidah yang dikemukakan oleh Ibn Juzay dalam membahaskan sifat *wahdāniyyah* Allah. Analisis kandungan kualitatif merupakan satu kaedah yang sistematik untuk meneliti teks bertulis melalui proses pengenalpastian tema, kategori dan pola makna yang tersurat serta tersirat dalam kandungan teks. Fokus dalam kajian bersifat kualitatif ini adalah aspek penceritaan yang berkualiti, yang tersusun daripada tema-tema daripada teori yang telah diuji dan pandangan-pandangan daripada pengalaman konteks itu sendiri.³¹ Analisis dokumen seperti buku, data-data daripada maklumat peribadi boleh digunakan dalam bentuk kajian ini. Kaedah ini turut menekankan proses pengkodan dan pengelasan data secara induktif dan deduktif bagi menghasilkan dapatan yang sahih dan boleh dipercayai. Oleh itu, pendekatan ini amat sesuai digunakan dalam kajian akidah dan ilmu kalam yang memerlukan penelitian mendalam terhadap hujah rasional dan dalil naqli dalam karya turath Islam.

ANALISIS SIFAT AL-WAHDĀNIYYAH

Sebelum menganalisis secara mendalam pendalilan Ibn Juzay dalam perbahasan sifat *wahdāniyyah*, perlu diketahui terlebih dahulu definisi bagi perkataan sifat dan *wahdāniyyah* secara satu persatu, kemudian makna gabungan daripada dua perkataan tersebut. Pengkaji akan menyentuh ketiga-ketiga hal tersebut dari sudut bahasa dan istilah ulama Kalam.

Sifat dari segi bahasa Arab berasal daripada وَصَفَ يَصِفُ وَصْفًا وَ صِفَةً. Oleh itu, *sifat* صِفَة dan *wasf* وصف adalah *masdar*. Tetapi *tā'* di akhirnya adalah ganti daripada *waw*. Dikatakan *wasf* membawa makna perbuatan menyifatkan suatu, tetapi sifat pula adalah kelakuan atau tabiat yang ada pada sesuatu.³²

Namun sifat dalam istilah ulama Kalam pula bermaksud suatu yang dihukum ke atas sesuatu. Kata Aḥmad al-Šāwī dalam *Hāshiyah Sharh al-Kharīdah*:

أما عند المتكلمين فالصفة ما يحكم به على الشيء سواء كان عين حقيقته أو قائما
بها أو خارجا عنها.

³¹ Ahmad Munawar Ismail dan Mohd. Nor Shahizan Ali, *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), hlmn. 68-69.

³² Al-Zabīdī, al-Sayyid Muhammad al-Murtaḍā, *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs* (Kuwait: Maṭba'ah Hukūmat al-Kuwayt. t.t), jld. 24, hlm. 450.

Maksudnya: *Adapun di sisi ulama kalam, maka sifat bermaksud apa yang dihukumkan dengannya ke atas sesuatu sama ada diri hakikatnya, atau suatu yang wujud padanya atau luar daripada zat.*³³

Bagi menerangkan maksud di atas adalah apabila dinyatakan bahawa Zaid itu berdiri, maka berdiri ini diistilahkan sebagai sifat di sisi ahli kalam kerana ia adalah apa yang disandarkan kepada sesuatu iaitu Zaid. Begitu juga apabila dinyatakan Allah itu esa, Allah itu wujud, Allah itu berkuasa, maka esa, wujud dan berkuasa adalah sifat di sisi istilah ulama kalam.

Kalimat *al-wahdāniyyah* pula adalah berasal daripada *wahdah* وحدة yang bermaksud satu atau tunggal. *Nūn* ditambah untuk membawa makna melampau-lampau (*mubālaghah*). *Yā'* pula membawa maksud penisbahan atau sandaran. Jadi, terjemahan literal bagi kalimat *al-wahdāniyyah* adalah suatu yang dinisbahkan kepada ketunggalan yang melampau dengan erti tidak ada yang benar-benar esa melainkan Allah.³⁴

Oleh yang demikian kalimat sifat *al-wahdāniyyah*, dalam bahasa Arab adalah binaan kata hasil daripada sandaran kalimat sifat kepada kalimat *al-wahdāniyyah*. Sandaran (*idāfat*) tersebut pula adalah *idāfat bayāniyyah* yang sesuai dimaksudkan dalam bahasa Melayu dengan kata 'iaitu' yang berada di tengah antara kalimat pertama (*muḍāf*) dan kalimat kedua (*muḍāf ilayhi*). Maka jadilah makna keseluruhan bagi gabungan kata di atas: Sifat ini iaitu *al-wahdāniyyah* (melampau keesaanNya).

Sifat *al-wahdāniyyah* menurut ilmu Kalam bermaksud penafian kuantiti pada zat, sifat dan *af'āl*. Kuantiti yang dinafikan merangkumi *kamm muttasil* pada zat dan sifat, dan *kam munfasil* pada zat, sifat dan *af'āl*. Penafian *kamm muttasil* pada zat dan sifat bermaksud menafikan zat dan sifat Allah terbina daripada juzuk-juzuk. Penafian *kamm munfasil* pada zat, sifat dan *af'āl* pula bermaksud menafikan di sana ada zat, sifat dan *af'āl* yang lain selain Allah.³⁵ Definisi sifat *al-wahdāniyyah* sedemikian dipopularkan oleh Muhammad bin Yusuf al-Sanūsī (w. 895 H) dan ulama yang mengikut metode pembentangan beliau.³⁶

Dilihat dalam kitab *al-Nūr al-Mubīn*, Ibn Juzay tidak mengemukakan sebarang definisi terhadap makna bagi sifat *al-Wahdāniyyah*. Ibn Juzay berpada dengan mengemukakan perincian perkara yang dinafikan oleh sifat al-Wahdāniyyah atau makna tauhid seperti telah dikemukakan oleh beliau pada tajuk mula perbahasan. Kata Ibn Juzay:

اعلم أن الله إله واحد لا إله غيره ولا شريك له ولا نظير له ولا ولد له ولا والد له ولا زوجة له كما قال تعالى: قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمَدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

³³ Al-Sāwī, Ahmad bin Muhammad Sāwī al-Maliki, *Hāshiyah 'alā Sharh al-Kharīdah al-Bahīyyah* (Kaherah, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī wa Awlādu. t.t), hlm. 32.

³⁴ Al-Sibā'i, Muhammad Abu Su'ūd, *Hāshiat al-Sibā'i ala al-Kharīdah al-Bahīyyah* (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Malijah, 1331 H), hlm. 89.

³⁵ Al-Dardīr, Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad, *Sharh al-Kharīdah al-Bahīyyah*, (Kaherah: Kashīdah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2019), hlm. 80 & al-Dusūqi, Muhammad, *Hāshiāt al-Dusūqi 'ala Umm al-Barāhīn*, (Kaherah: Dār 'Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah. t.t), hlm. 90

³⁶ Abdul Mukti, M. F., The Background of Malay Kalam With Special Reference to the Issue of the Sifat of Allah. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 3(1) (2002): 15.

Maksudnya: Ketahuilah bahawa Allah itu tuhan yang satu, tidak ada tuhan selainNya, tidak ada sekutu baginya, dan tidak ada setaranya, dan tidak ada anak baginya, dan tidak ada bapa bagiNya dan isteri baginya seperti firmanNya: Katakanlah: Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.³⁷

Dalam *Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl* pula Ibn Juzay telah menyebut:

اعلم أن وصف الله بالواحد له ثلاثة معان كلها صحيحة في حق الله تعالى الأول: أنه واحد لا ثاني معه فهو نفي للعدد و الآخر أنه واحد لا نظير له و لا شريك كما تقول فلان واحد عصره أي لا نظير له الثالث أنه واحد لا ينقسم و لا يتبعض

Maksudnya: Ketahuilah bahawa penyifatan Allah dengan esa, baginya itu tiga makna. Sekaliannya sah untuk disandarkan kepada Allah. Pertama: Allah itu esa tidak ada yang kedua bersamanya, maka ini adalah penafian bilangan. Kedua: Dia itu esa tidak ada setara dengan baginya dan tiada sekutu, seperti engkau katakan: si fulan satu-satunya yang ada di zaman ini, maknanya tidak ada yang setara dengannya. Ketiga: Dia satu, tidak terbahagi dan berjuzuk-juzuk.³⁸

Berdasarkan teks di atas, Ibn Juzay pada kebanyakan sudut mirip dengan perkara yang telah diperkatakan oleh ahli Kalam beraliran al-Sanūsīyah. Maka makna pertama bagi *waḥdāniyyah* iaitu menafikan Allah itu berbilang sama maksudnya dengan apa yang diistilahkan sebagai *kamm munfasil*, iaitu menafikan dua atau tiganya Allah dan bilangan berikutnya. Makna kedua pula iaitu menafikan setara dan sekutu adalah menafikan zat lain bersifat dan memiliki perbuatan sepertinya. Maka ini menyamai penafian *kamm munfasil* pada sifat dan perbuatan dalam aliran al-Sanūsīyah. Makna yang ketiga iaitu dia satu tidak terbahagi adalah seerti dengan penafian *kamm muttasil* pada zat dan sifat.

Berdasarkan keterangan di atas, apa yang dibentangkan oleh Ibn Juzay dilihat senada dengan al-Sanūsi dan ulama sealirannya. Apa yang membezakan hanya pendekatan. Al-Sanūsi mengistilahkan makna dengan tersebut sedangkan Ibn Juzay tidak meletakkan sebarang istilah bagi merujuk perkara tersebut.

Pengkaji berpendapat pendekatan yang diambil oleh Ibn Juzay ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman masyarakat umum tentang makna *al-waḥdāniyyah*. Sesuai dengan tujuan kitab *al-Nūr al-Mubīn* yang diinspirasikan oleh al-Quran yang dapat difahami segenap lapisan dan latar belakang masyarakat. Pengistilahan dengan kata *kamm muttasil* dan *kamm munfasil* adalah istilah yang sering diungkap dalam kitab-kitab falsafah.³⁹ Oleh itu ia lebih sesuai dengan kelompok penuntut ilmu dan golongan terpelajar.

Ini menunjukkan pengaruh al-Quran yang kuat dalam pemikiran Ibn Juzay. Apa yang menguatkan andaian tersebut adalah beliau dalam menjelaskan makna tersebut berpada menyebut surah al-Ikhlās setelah menyebutkan makna *waḥdāniyyah* seperti di

³⁷ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fi Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 35.

³⁸ Al-Gharnāti, Muhammad bin Juzay, *al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl* (Kuwait: Dar Diyā', 2013), hlm. 88.

³⁹ Al-Pālanpurī, Sa'id Ahmad, *Mabādī' al-Falsafah* (Karachi: Maktabah al-Bushrā, 2011), hlm. 22.

atas. Bermaksud beliau lebih mengutamakan penjelasan dan laras bahasa al-Quran berbanding laras bahasa ahli falsafah.

PENDALILAN SIFAT AL-WAḤDĀNIYYAH

Bagi membincang perihal pendalilan bagi sifat *waḥdāniyyah* di sisi Ibn Juzay dalam kitab *al-Nūr al-Mubīn*. Perlulah diketahui terlebih dahulu maksud pendalilan dari segi bahasa dan istilah ulama kalam. Kemudian dijelaskan berkenaan pendalilan bagi sifat ini di sisi ahli kalam secara umum.

Pendalilan atau *al-Istidlāl* dari segi bahasa adalah kata yang berasal daripada *dālīl* (دليل). Tambahan *alif*, *sīn* dan *ta'* pada kalimat memberi erti menjadikan iaitu *ṣayrūrah* (صيرورة). Oleh itu, apabila dikata: استدلل بشيء على شيء bermaksud menjadikan suatu itu dalil bagi suatu yang lain.⁴⁰

Dari segi istilah ulama Kalam dan Usul al-Fiqh ia bermaksud mendirikan dalil secara mutlak sama ada daripada nas atau ijma' atau selainnya. Ini yang telah dinyatakan oleh al-Ṭahānawī dalam *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*.

Definisi dalil pula dari segi istilah adalah apa yang mungkin menyampaikan kepada natijah (*matlūb khabarī*) melalui fikiran yang benar. Kata 'apa' pada definisi merangkumi nas atau bukan nas seperti alam. Maka pengamatan pada hal alam dapat menyampaikan kepada natijah bahawa alam ini dicipta oleh satu pencipta. Untuk mencapai natijah tersebut secara sistematik maka perlulah disusun fikiran dengan tepat berdasarkan kaedah ilmu Mantiq seperti kaedah setiap daripada *muqaddimah suḡhrā* dan *kubrā* mesti berkongsi *hadd wasaṭ* yang sama bagi menghasilkan natijah yang benar. Contohnya: (i) Alam ini teratur dan (ii) semua yang teratur memiliki pengatur, maka (iii) alam ini memiliki pengatur. Tidak ada syak lagi bahawa yang mengatur itu adalah tuhan kerana makhluk tidak mampu melaksanakan pekerjaan yang menakjubkan itu.

Oleh itu, makna pendalilan adalah mendirikan dalil untuk menghasilkan natijah yang tertentu. Oleh itu akan dibincangkan bagaimana Ibn Juzay mendirikan dalil daripada dalam membuktikan sifat *waḥdāniyyah* Allah SWT.

CIRI PENDALILAN IBN JUZAY DALAM SIFAT AL-WAḤDĀNIYYAH

Keutamaan & Kecukupan al-Quran dalam Pendalilan *Waḥdāniyyah*

Ibn Juzay dalam menyabitkan sifat *waḥdāniyyah* telah mengutamakan pedoman yang dikemukakan oleh al-Quran. Kata Ibn Juzay:

والدليل على وحدانيته سبحانه من وجوه كثيرة، أرشد إليها القرآن فليس بعد بيان الله في إثبات التوحيد بياناً.

Maksudnya: *Dalil atas keesaanNya telah banyak ditunjukkan oleh al-Quran. Maka tidak ada lagi keterangan selepas keterangan Allah.*⁴¹

⁴⁰ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2004), hlm. 294

⁴¹ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 36.

Ucapan Ibn Juzay ini juga menunjukkan bahawa pendalilan al-Quran adalah mencukupi dalam menyabitkan sifat *waḥdāniyyah* Allah secara yakin. Pendapat beliau ini mirip dengan pendapat al-Ghazālī dalam *al-Risālah al-Qudsiyyah*:

وأولى ما يستضاء به من الأنوار ويسلك من طريق الاعتبار ما أرشد إليه القرآن فليس

بعد بيان الله سبحانه بيان

Maksudnya: *Cahaya dan cara fikir yang lebih utama diikuti adalah apa yang disarankan oleh al-Quran, maka tidak ada keterangan selepas keterangan Allah.*⁴²

Pegangan tersebut didasari kepercayaan beliau bahawa al-Quran adalah pembuktian terbesar daripada Allah⁴³ yang tidak mampu ditandingi sesiapa. Beliau menambah lagi bahawa al-Quran mengandungi segala perkara yang diperlukan manusia.⁴⁴ Apabila agama adalah keperluan paling besar bagi manusia dan akidah merupakan intipati utama agama, maka mustahil Allah tidak menerangkannya secara terperinci dalam al-Quran. Ini dibuktikan dalam firman Allah dalam surah al-Maidah, ayat 3.

Ini dikuatkan lagi dengan kefahaman daripada kaedah usul fiqh yang menyatakan *la yajūz ta'khīr al-Bayān 'an waqti al-Hājah*⁴⁵ iaitu bermaksud tidak boleh dilewatkan keterangan ketika ada keperluan kerana ia satu bentuk taklif dengan perkara yang mustahil. Namun al-Taftazani mengambil pendirian berbeza dalam *Sharah 'Aqa'id al-Nasafiyyah* dengan mendakwa bahawa pendalilan *al-waḥdāniyyah* dalam al-Quran adalah *zanni* tidak mencapai tahap *yaqīni*.⁴⁶ Pandangan beliau ini telah ditentang kuat oleh ulama Ashā'irah selepas beliau. Kata Ibrahim al-Bājūrī dalam kitabnya *Tuhfat al-Murīd*:

وقد شنعوا على السعد في ذلك حتى قال عبد اللطيف الكرمانى إنه تعيب لبراهين

القرآن وهو كفر

Maksudnya: *Para ulama telah mengecam Sa'ad al-Taftazani sehingga 'Abd al-Laṭīf al-Kirmānī berkata: Dakwaan tersebut satu pencelaan terhadap pembuktian al-Quran dan ia satu kekufuran.*⁴⁷

Pengkaji meneliti daripada sekian hujahan ilmuwan yang membantah dakwaan al-Taftazani ini, kebanyakan mereka berlegar pada penyusunan dalil *tamānu'* yang diterbitkan daripada ayat 22, surah al-Anbiyā'. Mereka menyusun dalil tersebut untuk membuktikan ia bersifat *yaqīni*. Ibn Juzay memiliki keunikan dalam pendalilan *waḥdāniyyah*, dari sudut beliau telah mengemukakan pendalilan al-Quran dengan cara

⁴² Al-Zabīdī, Muhammad al-Murtada, *Ithāf al-Sādāt al-Muttaqīn* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000). Jld. 2, hlm 89.

⁴³ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 2.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Al-Futūḥi, Muhammad bin Ahmad bin Najjār, *Sharh al-Kawkab al-Munir* (Riyād: Maktabah al-Ubeykan, 1992), hlm. 440.

⁴⁶ Al-Farhari, Abdul Aziz bin Ahmad, *al-Nibrās Sharh Sharh 'Aqa'id al-Nasafiyyah* (Istanbul: Maktabah Yasin, 2011), hlm. 212.

⁴⁷ Al-Bajūrī, Ibrahim bin Muhammad, *Tuhfat al-Murīd 'alā Jawharat al-Tawhīd* (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), hlm. 116.

sistematik. Dengan makna ayat-ayat tersebut dibentang bagi menjawab semua sudut keraguan yang membatalkan keesaan Allah. Pembuktian sedemikian boleh diumpamakan seperti tembok kukuh yang lengkap mengelilingi sebuah kota.

Bagi mensabitkan *waḥdāniyyah*, beliau telah mengemukakan empat dalil. Dalil yang pertama kata beliau:

Maksudnya: *Segala yang dicipta, hakikatnya dicipta oleh pencipta yang satu, kerana perbuatan tidak terbit daripada dua orang pelaku. Maka sabitlah bahawa pencipta itu satu iaitulah Allah. Firman Allah yang bermaksud: “(Kemudian mereka mengambil tuhan-tuhan selain daripadaNya (untuk disembah), yang tuhan-tuhan itu tidak menciptakan apapun, bahkan mereka sendiri diciptakan dan tidak kuasa untuk (menolak) sesuatu kemudaratannya dari dirinya dan tidak (pula untuk mengambil) suatu kemanfaatan pun dan (juga) tidak kuasa mematikan, menghidupkan dan tidak (pula) membangkitkan)”*.

(Surah Al-Furqān, ayat 3)⁴⁸

Dalil pertama yang dikemukakan oleh Ibn Juzay bermaksud apabila alam ini diyakini dicipta, maka akal secara pasti meyakini pasti ada yang mencipta. Kadar yang diyakini akal adalah satu pencipta. Adapun kadar yang lebih daripada itu, ini berhajat kepada bukti. Jadi suatu yang dicipta secara pasti datang daripada satu pencipta. Ini difahami daripada kata ‘asal’ yang bermaksud kadar yang diyakini.

Pendalilan ini diambil daripada ayat al-Quran yang dikemukakan oleh Ibn Juzay yang bermaksud manusia telah menyekutukan Allah dengan sesuatu, sedangkan tidak ada bagi mereka bukti yang meyakinkan ketuhanan tuhan yang mereka dakwakan, seperti perbuatan menghidupkan mematikan, memberi mudarat dan manfaat.

Hal ini telah disokong oleh kenyataan Badi’ al-Zamān al-Nursi (w.1960) yang mendakwa bahawa kitabnya juga menekankan pendalilan gaya al-Quran, bahawa tidak ada bukti *aqli* untuk mendakwa ada tuhan selain Allah. Ini digelar dalam ilmu al-Uṣul dengan istilah *taḥakkum* yang bererti dakwaan tanpa dalil. Maka dakwaan tanpa bukti tidak memberi erti apa-apa. Tambahan pula dakwaan berbilang tuhan menatijahkan kepada perkara-perkara yang dianggap mustahil di sisi akal seperti yang akan dinyatakan oleh Ibn Juzay dalam dalil-dalil berikutnya.⁴⁹

Dalil kedua pula, kata Ibn Juzay:

Maksudnya: *Dalil telah menunjukkan bahawa segala yang wujud itu adalah baharu dan makhluk ciptaan Allah. Makhluk tidak mungkin sekutu bagi penciptanya, tidak serupa dengannya dan tidak sepertinya. Firman Allah: “Sesungguhnya benda-benda yang kamu seru selain Allah adalah makhluk-makhluk seperti kamu.”*

(Surah al-‘Arāf, ayat 194.)⁵⁰

⁴⁸ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 36

⁴⁹ Lihat al-Nursī, Sa'id Badi' al-Zamān, *al-Kalimāt*, (Istanbūl: Dār al-Nīl Lil al-Ṭibā'ah wa al-Nashr) Terjemahan dalam Bahasa Arab oleh 'Ihsān Qāsim al-Ṣalīhī, 707

⁵⁰ Ibn Juzay, *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, terj. Ahmad Faiz Mohd Khalil (Bangi: Akademi Pemikiran Turath, 2021), hlm. 38

Dalil yang kedua dilihat mengukuhkan lagi dalil yang pertama, daripada sudut menafikan andaian ada tuhan yang kedua. Seolah-olah apabila ditanya kepada pendakwa di manakah sekutu Allah yang engkau dakwakan? Kemudian dia menjawab contohnya matahari atau api atau perkara lain yang disembah. Maka Ibn Juzay menzahirkan lemahnya andaian tersebut dengan menafikan ketuhanan yang didakwa. Dinafikan ketuhanan mereka dengan bahawa mereka sendiri adalah makhluk. Maka tidak ia mungkin layak menjadi tuhan.

Kata Ibn Juzay:

Maksudnya: *Dalil telah menunjukkan bahawa ia merujuk kepada apa yang telah disebutkan dalam fasal menyabitkan kewujudan Allah. Beliau telah menyatakan dua dalil yang mensabitkan alam ini baharu. Pertama melalui pemerhatian bahawa alam ini berubah ubah dan ia menafikan makna qidam. Kedua melalui fitrah. Diketahui secara fitrah sebelum ini kita tiada.*

Beliau pada dalil ini telah menggunakan gabungan kaedah pemerhatian dan induktif (*istiqrā' tām*). Kaedah pemerhatian digunakan pada menyabitkan bahawa bukti alam ini makhluk. Iaitu diketahui bahawa alam ini tiada, kemudian ada. *Istiqrā' tām* pula digunakan untuk menghukum keseluruhan alam ini dihukum dengan hukum yang sama iaitu ia adalah makhluk.

Kaedah *istiqrā'* mungkin dilihat jarang digunakan dalam kitab-kitab kalam kerana kebanyakan ahli Mantiq mendakwa sebagai *dalīl khiṭābi* iaitu dalil yang tidak mencapai tahap keyakinan yang dituntut oleh ilmu kalam.⁵¹ Perlu dijelaskan di sini bahawa *istiqrā'* mempunyai dua jenis, pertama sempurna (*tamm*) dan kedua tidak sempurna (*nāqis*). *Istiqrā' nāqis* tidak membawa kepada keyakinan, manakala *istiqrā' tamm* pula menghasilkan keyakinan.⁵²

Namun pengkaji beranggapan jika Ibn Juzay menambah sedikit penjelasan terhadap lemahnya makhluk dalam mengurus alam yang menakjubkan ini, dari sudut mereka tidak mampu menumbuhkan pokok daripada benihnya atau menerbitkan buah daripada rantingnya, ini akan lebih menanam keyakinan bahawa segala yang berlaku di alam ini adalah daripada kudrat Allah yang menakjubkan. Hal ini kerana makhluk pasti tidak mungkin memiliki kudrat sedemikian.

Dalil ketiga, kata Ibn Juzay:

Maksudnya: *Jika kita andaikan di sana dua tuhan. Maka salah satu daripadanya menghendaki matinya seorang, satu lagi menginginkan hidupnya, ini menatijahkan kepada tiga kebarangkalian: Pertama: Kedua-dua kehendak terlaksana. Maka ia mustahil kerana seseorang tidak boleh hidup dan mati dalam satu masa. Kedua: Kedua-dua tidak terlaksana maka ia juga mustahil, kerana seseorang tidak mungkin disifatkan tidak hidup dan tidak mati. Ketiga: Hanya satu kehendak terlaksana. Yang terlaksana kehendaknya itulah tuhan, yang tidak itu*

⁵¹ Al-Razi, Qutb al-Din Muhammad bin Muhammad al-Razi, *Tahrir Qawa'id al-Matīqīyyah fī Sharh al-Risalah al-Shamsīyyah* (Qum: Manshurat Bidar, t.t), hlm. 454.

⁵² Al-Khubaysi, 'Ubaydillah bin Fadhlulah, *al-Tadhib fī Sharh al-Tadhib lil al-Taftazani* (Kaherah: Dar al-Imam al-Razi, 2015), hlm. 412.

bukan tuhan kerana ia lemah dan dikalahkan. Maka sabitlah bahawa Tuhan itu esa."⁵³

Jelas daripada nukilan di atas bahawa Ibn Juzay menggunakan *burhān al-tamānu`* yang masyhur di sisi ulama Kalam. Ini jelas menguatkan lagi batalnya andaian berbilang tuhan. Dalil ini membuktikan andaian dua tuhan atau lebih adalah mustahil pada akal. Dalil ini bertindak semakin menguatkan dalil yang pertama dan kedua.

Dalil keempat, kata Ibn Juzay:

Maksudnya: *Jika kita andaikan ada dua tuhan yang menciptakan, nescaya setiap satu daripadanya akan mempunyai makhluk tersendiri dan nescaya makhluk salah satu adalah berbeza dengan makhluk milik satu lagi. Namun kita lihat sekalian makhluk ini berkait antara satu sama lain dan tertakluk pada urusan dan aturan dan perkiraan yang teliti. Ini menunjukkan kepada pemilik dan pentadbirnya adalah satu. Iaitulah Allah.*⁵⁴

Dalil keempat ini didatangkan oleh Ibn Juzay seolah-olah menjawab kritikan pengkritik terhadap dalil yang ketiga. Seolah-olah pengkritik berkata: *dalīl al-tamānu`* hanya benar apabila kehendak tertumpu kepada satu perkara. Kenapakah tidak kita katakan bahawa satu tuhan mencipta langit, satu lagi tuhan mencipta bumi? Dengan ini ternafi *dalīl al-tamānu`*.

Bagi menjawab kritikan dan andaian tersebut, Ibn Juzay juga telah menyatakan bahawa andaian tersebut mustahil diterima akal dan bercanggah dengan pemerhatian. Ini kerana melazimi dengan tuhan-tuhan mencipta makhluk-makhluk mereka, makhluk-makhluk ciptaan mereka tidak memiliki hubungan antara satu sama lain dengan erti kata lain tidak berada dalam satu sistem. Ini difahami dengan jelas melalui perumpamaan seorang raja. Kemegahannya dan keangkuhannya menafikan untuk dia tunduk kepada sistem raja yang lain. Jika itu halnya bagi raja daripada kalangan manusia, apatah lagi tuhan yang maha memiliki segala kesempurnaan. Tambahan pula, pemerhatian menafikan andaian tersebut, kerana alam ini berhubungan antara satu sama lain, dan berada dalam satu sistem yang sama. Kata Ibn Juzay:

Maksudnya: *Bagi menjelaskan perkaitan makhluk antara satu sama lain; manusia dan sekalian haiwan mendapat zat makanan daripada tumbuhan yang keluar daripada bumi. Tumbuhan-tumbuhan pula mendapat zat makanan daripada hujan yang turun daripada langit ketika angin bertiup dan menggerakkan awan. Matahari dan bulan beredar di atas paksi tersendiri atas tertib yang khusus dan padanya terdapat manfaat yang banyak seperti memperelok buah-buahan, perubahan malam dan siang.*⁵⁵

Ibn Juzay pada dalil keempat telah menggunakan dalil *al-Niẓām* (aturan) dan *Kamāl* (kesempurnaan tuhan) bagi menafikan andaian berbilang tuhan. al-Ghazālī dan

⁵³ *Ibid*, 38-39.

⁵⁴ *Ibid*, 40-41.

⁵⁵ *Ibid*, 40.

al-Shahristānī⁵⁶ menekankan sudut kesempurnaan menjawab kritikan terhadap *burhān al-tamānu* bahwa tuhan boleh membahagikan tugas.

Hasil daripada penelitian, Ibn Juzay telah menyusun pendalilan sifat *al-wahdāniyyah* secara teratur dan berperingkat. Bermula dengan menyabitkan bahawa esanya tuhan itu adalah had yang diyakini akal. Kemudian membatalkan andaian-andaian secara berperingkat. Dalil yang digunakan oleh Ibn Juzay jelas diterbitkan daripada al-Quran, dan ia menguatkan antara satu sama lain.

Kaedah Pendalilan Wahdāniyyah Ibn Juzay dalam Kitab *al-Nūr al-Mubīn*

Daripada apa yang telah dibentangkan berdasarkan pengkajian ini, dapat disimpulkan bahawa Ibn Juzay menggunakan beberapa kaedah pendalilan yang tersendiri dalam menyabitkan sifat *wahdaniyyah* bagi Allah SWT melalui kitabnya *al-Nūr al-Mubīn*. Dalam konteks ini, Ibn Juzay mengemukakan hujah-hujah secara tersusun dengan menggabungkan dalil naqli dan aqli dengan mengutamakan nas-nas wahyu sebelum penaakulan akal bagi menegaskan sifat *wahdaniyyah* Allah secara menyeluruh. Oleh yang demikian, pengkaji akan menjelas satu persatu kaedah pendalilan sifat *wahdāniyyah* Allah SWT di sisi Ibn Juzay terdapat enam kesemuanya. Berikut dilampirkan semua enam pendalilannya iaitu:

1. Mengesahkan Ketidakwujudan Tuhan Berbilang

Ibn Juzay menegaskan bahawa dakwaan kewujudan tuhan yang berbilang hanyalah satu andaian yang tidak disokong oleh sebarang dalil yang sahih sama ada daripada wahyu mahupun akal yang sejahtera. Andaian semata-mata tanpa sandaran hujah yang kukuh tidak boleh diterima dalam perbahasan akidah kerana prinsip keimanan menuntut keyakinan yang berasaskan dalil, bukan sangkaan atau imaginasi. Oleh itu, ketiadaan bukti yang *qat'i* menjadi asas awal untuk menolak konsep ketuhanan yang berbilang.

2. Penolakan Andaian Berbilang Tuhan

Selain ketiadaan dalil, andaian kewujudan tuhan berbilang juga bercanggah dengan pertimbangan logik akal yang sihat. Ibn Juzay menjelaskan bahawa andaian tersebut melahirkan percanggahan dalaman kerana setiap tuhan yang didakwa memiliki sifat ketuhanan mestilah memiliki kehendak dan kekuasaan mutlak. Percanggahan kehendak antara tuhan-tuhan ini secara rasional membawa kepada kekacauan atau pembatalan kehendak, yang mustahil berlaku dalam sistem alam yang teratur.

3. Penolakan Makhluk sebagai Tuhan

Ibn Juzay turut menolak pandangan yang menganggap makhluk sebagai tuhan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini kerana makhluk bersifat baharu, bergantung dan diciptakan, sedangkan sifat-sifat *hādīth* (baharu) tersebut bertentangan secara asas dengan hakikat ketuhanan yang bersifat *qadīm*, berdiri dengan sendiri dan tidak bergantung kepada selainNya. Maka, sesuatu yang dicipta mustahil menjadi pencipta dan yang bergantung mustahil menjadi Tuhan yang Maha Esa.

4. Penolakan Tuhan Kedua Seperti Allah

Ibn Juzay juga membawa hujah bahawa sekiranya diandaikan kewujudan Tuhan kedua yang setara dengan Allah dari segi zat, sifat dan kekuasaan, maka andaian ini dibatalkan dengan menggunakan *dalil tamānu*. Dalil ini menyatakan bahawa jika terdapat dua tuhan yang sama-sama berkuasa, maka percanggahan

⁵⁶ Hasan al-Shāfi'ī, *al-ʿĀmidī wa ʿĀrāʾuhū al-Kalāmīyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2013), hlm. 307.

kehendak antara keduanya sama ada akan berlaku atau tidak; kedua-dua kemungkinan ini membawa kepada kemustahilan sama ada dari sudut ketidaksempurnaan atau ketiadaan kekuasaan mutlak. Oleh itu, kewujudan Tuhan kedua yang setara dengan Allah adalah mustahil secara logik akal.

5. Penolakan Pengagihan Kuasa antara Dua Tuhan

Ibn Juzay juga membahaskan kemungkinan dua tuhan yang sepakat membahagikan kuasa antara mereka. Andaian ini ditolak kerana pengagihan kuasa secara langsung menunjukkan keterbatasan dan pembahagian wilayah kekuasaan, sedangkan ketuhanan menuntut kemutlakan dan kesempurnaan tanpa had. Kuasa yang terhad atau bergantung pada kesepakatan pihak lain menafikan sifat al-qudrah al-mutlaqah yang menjadi ciri asas ketuhanan.

6. Kesatuan Sistem sebagai Bukti

Sebagai pengukuhan hujah, Ibn Juzay mengemukakan kesatuan dan keseimbangan sistem alam sebagai bukti empirikal dan rasional terhadap waḥdāniyyah Allah. Keteraturan hukum alam, keharmonian ciptaan dan kesinambungan sebab-akibat menunjukkan pentadbiran yang tunggal dan tidak bercampur tangan dengan kuasa lain. Kesatuan sistem ini menegaskan bahawa kekuasaan mutlak hanya milik Allah semata-mata, selaras dengan prinsip tauhid rubūbiyyah dan ulūhiyyah.

Secara kesimpulannya, Ibn Juzay telah menerbitkan perdalilan bersistem ini daripada al-Quran. Pendalilan sebegini memberikan keyakinan terhadap keesaan Allah dengan menjawab segala andaian yang bercanggah dengan keesaan Allah. Ini secara tidak langsung telah membatalkan dakwaan al-Taftazāni bahawa pendalilan al-Quran tidak mencapai ke tahap yakin.

KESIMPULAN

Perbahasan waḥdāniyyah Allah adalah perbahasan terpenting dalam ilmu Kalam. Ulama Ashā'irah telah membentangkan pendalilan waḥdāniyyah Allah daripada al-Quran dan bukan daripada anasir. Ibn Juzay melalui pendalilannya dalam kitab *al-Nūr al-Mubīn* telah membuktikan bahawa pendalilan akliyah bagi waḥdāniyyah Allah diterbitkan daripada al-Quran. Ibn Juzay juga telah membuktikan bahawa pendalilan al-Quran adalah meyakinkan melalui pendalilan yang bersistematik dengan membangkang segala andaian yang membatalkan waḥdāniyyah Allah. Ibn Juzay juga telah menunjukkan bagaimana hujah daripada al-Quran sahaja sudah memadai untuk mengisbatkan sifat waḥdāniyyah Allah tanpa perlu kepada hujah selainnya.

RUJUKAN

- Abdul Mukti, M. F. (2002). The Background of Malay Kalam With Special Reference to the Issue of the Sifat of Allah. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 3(1), 1–32.
- Ali Jum'ah. (2011). *'Aqīdat Ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Kaherah, al-Muqattam li al-Nashr wā al-Tawzī'.
- Ali Qāri. (t.t). *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Badakhshāni, Muhammad Anwar. (t.t). *Talkhīs Sharh al-'Aqīdah al-Tahāwiyyah lil Ibn Abi 'Izz al-Ḥanafī*, Karachi. Zamzam publishers.
- Al-Baijūri, Ibrahim bin Muhammad. (2002). *Tuhfat al-Murid 'alā Jawharat al-Tawhīd*, Kaherah: Dār al-Salām.

- Al-Dāni, Usman bin Sa'id, Abū 'Amr. (2005). *al-Risālah al-Wāfiah li Madhhab Ahli Sunnah fī al-Itiqādāt wa 'Uṣūl al-Diyānat*, Iskandariah, Dār al-Baṣīrah.
- Al-Dardīr, Aḥmad bin Muhammad bin Ahmad. (2019). *Sharh al-Kharīdah al-Bahiyyah*, Kaherah, Kashīdah li al-Nahr wa al-Tawzī.
- Al-Dusūqī, Muhammad. (t.t). *Hāshiāt al-Dusūqī 'ala Umm al-Barāhīn*, Kaherah: Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Farhari, Abdul Aziz bin Ahmad. 2011. *Al-Nibrās Sharh Sharh 'Aqa'id al-Nasafiyyah* Istanbul: Maktabah Yasin.
- Al-Futūhi, Muhammad bin Ahmad bin Najjār. (1992). *Sharh al-Kawkab al-Munīr* Riyāḍ: Maktabah al-Ubeykan.
- Al-Gharnāti, Muhammad bin Juzay, (2018), terj. Ahmad Faiz Bin Mohd Khalil *al-Nūr al-Mubīn fī Qawā'id 'Aqā'id al-Dīn*, Bangi, Akademi Pemikiran Turath.
- Ḥasan al-Shāfi'ī. (2001). *Al-Madkhal 'ilā Dirasat 'Ilm al-Kalam*, Karachi, Idārat al-Qurān wa al-'Ulūm al-'Islāmiyyah.
- Ḥasan al-Shāfi'ī. (2013). *Al-'Āmidī wa 'Ārā'uhū al-Kalamiyyah*, Kaherah: Dār al-Salām.
- Ibn al-Arabi, Muhammad bin Ali. (1985). *Al-Futūhāt al-Makkiyyah*. ed. Uthmān Yahya, Kaherah, al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kutub.
- Ibn Taymiyyah. (1985). *Al-Tadmuriyyah taḥqīq al-'Ithbāt li al-Asmā' wa al-Ṣifāt wa haqiqat al-Jam' bayna al-Qadar wa al-Shar'* ed. Muḥamad bin 'Awdah al-Sa'udi, Riyāḍ.
- Al-Khubaysi, 'Ubaydillah bin Fadhlullah. (2015). *Al-Tadhib fī Sharh al-Tadhib lil al-Taftazani*, Kaherah, Dār al-Imām al-Rāzi.
- Lisān al-Dīn Muhammad Ibn Khātib. (2009). *Al-Thāṭah fī 'Akhhār al-Gharnāṭah*. Algeria: Dār al-'Amāl.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasīt* (Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Al-Nursī, Sa'id Badi' al-Zamān. (2011). *Al-Kalimāt*, terj. 'Iḥsān Qāsim al-Ṣalihiī, Istanbūl: Dār al-Nīl li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr.
- Al-Pālanpurī, Sa'id Ahmad. (2011). *Mabādī' al-Falsafah*, Karachi: Maktabah al-Bushrā.
- Al-Razi, Qutb al-Dīn Muhammad bin Muhammad. (t.t). *Tahrir Qawa'id al-Matiqiyah fī Sharh al-Risalah al-Shamsiyyah*, Qum, Manshurāt Bidar.
- Al-Ṣāwī, Ahmad bin Muhammad Sāwī al-Maliki. (t.t). *Hāshiyah 'alā Sharh al-Kharīdah al-Bahiyyah*, Kaherah, Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabi wa Awlādu.
- Al-Sibā'i, Muhammad Abu Su'ūd. (1331H). *Hāshiat al-Sibā'i ala al-Kharīdah al-Bahiyyah*, Kaherah: al-Matba'ah al-Malijah.
- Al-Zabīdī, Muhammad bin Muhammad al-Husayni. (1994). *'Ithāf al-Sādat al-Muttaqin bi Sharh 'Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut, Mu'assasah al-Tarikh al-'Arabi.
- Al-Zabīdī, al-Sayyid Muhammad al-Murtaḍā. (t.t). *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, Kuwait, Maṭba'ah Hukūmat al-Kuwayt.
- Al-Zubayri, Ali Muhammad. (1987), *Ibn Juzay Wa Manhajuhu Fī al-Tafsīr*, Damsyik, Dār al-Qalām.